



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA AMBD KE KEMENTERIAN PERTAHANAN Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah mengadakan jerayawara bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei (ABDB).
2. Jerayawara ini dimulakan dengan taklimat pengenalan mengenai tugas dan tanggungjawab AMBD dan seterusnya, taklimat mengenai Perintah Matawang, 2004, di mana pihak AMBD menerangkan tatacara yang betul dalam mengendalikan matawang dan duit syiling Negara Brunei Darussalam, yang disampaikan oleh Unit Pengurusan Matawang.
3. Taklimat "*Credit Bureau – Its Role in Your Financial Future*" juga telah disampaikan, di mana Unit Biro Kredit AMBD telah menerangkan peranan-peranan dan kepentingan Biro Kredit, serta perkhidmatan dan manfaat yang dapat diperolehi daripada laporan kredit. Perkhidmatan *Self-Inquiry* yang ditawarkan oleh Unit Biro Kredit juga dikongsikan, di mana perkhidmatan ini membolehkan mana-mana individu dan syarikat untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing bagi menyemak dan meneliti maklumat-maklumat yang dilaporkan adalah betul.
4. Jerayawara diteruskan dengan taklimat mengenai Sistem Pendaftaran Cagaran yang baru dilancarkan oleh AMBD pada bulan Disember yang lalu. Taklimat terakhir semasa jerayawara tersebut adalah mengenai cara-cara untuk meningkatkan tahap celik kewangan, yang disampaikan oleh Unit Isu Pengguna Kewangan. Antara yang dikongsikan adalah risiko-risiko yang berkaitan dengan Skim Cepat Kaya dan cara-cara untuk mengenalpasti penipuan kewangan. Pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB juga diingatkan untuk hanya menjalankan urusan kewangan atau pelaburan dengan individu-individu atau institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD.
5. Jerayawara ini adalah merupakan salah satu daripada siri jerayawara AMBD bagi Kementerian-Kementerian Kerajaan dan bertujuan untuk memberi gakan lagi peranan AMBD dan seterusnya meningkatkan tahap celik kewangan pegawai dan kakitangan agensi-agensi kerajaan.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2017

Tarikh: 10 Rejab 1437 / 7 April 2017